

UCAPAN YANG AMAT
BERBAHAGIA DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI SELAKU
YANG DI-PERTUA PERSATUAN PANDU PUTRI MALAYSIA
PADA HARI SELASA, 2HB. OGOS, 1983
JAM 10.00 PAGI

Mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.

Ampun Tuanku, sembah patek pohon diampun.

Patek bagi pihak Persatuan Pandu Putri Malaysia, dan bagi pihak diri patik sendiri sebagai Yang di-Pertua Persatuan ini, menjunjung kasih di atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku berangkat pada pagi ini ke Wisma Pandu Putri, Ibu Pejabat Persatuan Pandu Putri Malaysia, untuk melihat kegiatan Pandu Putri di seluruh negara di Pameran Kemkraf dan Kraftangan, yang mana Kebawah Duli Tuanku perkenan merasmikannya nanti. Keberangkatan Kebawah Duli Tuanku ke Wisma ini adalah sangat dihargai oleh Persatuan ini, sebab ini adalah kali yang pertama Kebawah Duli Tuanku berangkat ke mari.

2. Patek sekelian telah bergiat memesatkan kerja-kerja membentuk akhlak murni di kalangan anak-anak gadis di Negara ini, melalui latihan Kepanduan. Anak-anak gadis telah diberi asuhan kerohanian secara bersuka-suka dan berkumpul-kumpul, dari umur serendah-rendahnya 7 tahun hinggalah kepada yang dewasa. Latihan ini telah menjadi amali seharian dan telah menjadi sehati kepada diri mereka sendiri, dan oleh itu, segala ajaran songsang yang boleh mencemarkan diri mereka, masyarakat dan negara kita, adalah sukar buat mereka menerimanya. Ahli-ahli Pandu Putri diajar menggunakan akal fikiran, dan tangan mereka, untuk

melahirkan benda-benda yang boleh menolong mereka mencari rezeki dan mengkayakan pula seni kerjatangan negara ini. Buktinya adalah seperti yang terpamer di kawasan pameran yang akan disaksikan sebentar lagi.

3. Keberangkatan Kebawah Duli Tuanku, sebagai Penaung Diraja Persatuan ini, juga akan menambahkan keazaman patek sekelian untuk bergiat dengan lebih pesat lagi, demi untuk kedaulatan dan keagungan bangsa dan negara ini.

Ampun Tuanku, patek mohon izin untuk berucap kepada hadirin sekalian. Ampun Tuanku.

4. Saya terlebih dahulu hendak mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan sekelian kerana telah sudi hadir bersama-sama di pagi ini untuk menyambut keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, ke Majlis ini.

5. Pameran yang bertemakan 'Komunikasi melalui Pameran Kraftangan dan Kem kraf ini adalah sebagai bukti akan kerja dan usaha ahli-ahli Persatuan Pandu Putri di seluruh negara kita. Ahli-ahli Pandu Putri adalah dilatih melengkapkan diri untuk menjaga diri sendiri, dan menyediakan kehidupan masa depan mereka.

6. Persatuan ini mempunyai keahlian seramai 57,455 orang dari peringkat umur 7 tahun hinggalah ke atas. Pertama peringkat Brownie, kemudian Pandu Putri, Renjer dan Kedet. Kedet ini adalah bakal pemimpin yang diadakan di Maktab-Maktab Perguruan di negara ini. Bagi mereka yang telah menamatkan persekolahan mereka pula, kita telah menubuhkan Unit-Unit Kelab Renjer. Objektif utama Kelab ini ialah untuk memberi khidmat. Satu lagi bahagian untuk ahli-ahli dewasa, atau bekas-bekas Pandu Putri yang tidak dapat menumpukan masa bagi kerja-kerja atau aktiviti-aktiviti secara aktif, maka kita adakan 'Guild

Trefoil'. Oleh itu, Pandu Putri ini tidak ada penamatnya dan ianya terus menerus.

7. Kepada Pemimpin-Pemimpin, saya ingin memberi tahniah sebab puan-puan telah menunjukkan akan kerja-kerja yang cekap selama ini di kawasan-kawasan masing-masing, termasuklah bahan-bahan yang dipamerkan ini. Pengalaman yang puan perolehi dan puan taburkan kepada anak-anak gadis kita, di mana sahaja puan bertugas, telah dapat dilahirkan di Pameran ini.

8. Saya ingin mengambil peluang untuk mengucapkan tahniah kepada Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Pameran, dan semua yang terlibat, sebab telah dapat menjayakan Pameran pagi ini.

9. Sekali lagi saya berseru kepada semua Pemimpin supaya memberikan dedikasi dan keupayaan yang bersungguh-sungguh di dalam masa memimpin, dan memperbaiki kepimpinan sekiranya terdapat tidak puas hati di dalam pimpinan puan, agar kepimpinan puan itu akan dapat dicontohi oleh ahli-ahli kita, supaya apabila mereka besar nanti, akan menjadi pemimpin pula.

10. Ampun Tuanku, sembah patek pohon diampun. Patek, bagi pehak semua yang hadir, memohon limpah perkenan Kebawah Duli Tuanku menganugerahkan pingat-pingat Pandu Putri Raja, dan hadiah-hadiah, kepada ahli-ahli yang telah berjaya memperolehinya.

Ampun Tuanku.
